

# Pelik nama disenarai hitam

Lelaki tak pernah jadi penjamin kepada sesiapa tidak boleh beli rumah kerana RM7,400

Oleh Mahaizura Abd  
Malik  
mahaizura@hmetro.com.my

Putrajaya

Tidak pernah menjadi penjamin untuk sebarang pinjaman namun namanya sudah disenarai hitam.

Perkara pelik itu hanya disedari Azam Jaafar, 34, selepas mahu membuat pinjaman membeli rumah tahun lalu apabila namanya disenarai hitamkan dalam rekod Credit Tip off Service Sdn Bhd (Ctos) dengan jumlah hutang RM7,400.

Juruteknik sebuah syarikat berkaitan kerajaan (GLC) itu berkata, dia tidak pernah menjadi penjamin kepada sesiapa melainkan menjadi rujukan abangnya bagi membeli sistem penggera keselamatan kereta dari sebuah syarikat, beberapa tahun lalu.

"Abang saya membayar wang pendahuluan RM200 serta RM80 sebulan selama dua tahun, tetapi peliknya jumlah tertinggak dan bunga mencecah RM7,400 berbanding RM2,000 harga sebenar sistem itu."

"Tahun lalu, ketika muhambili rumah saya terkejut pihak bank memberitahu nama saya disenarai hitamkan Ctos."

"Saya pelik sedangkan ketika urusan awal dengan



ROSLAND (kiri) dan Mohamad Afif (tengah) berbincang selepas perjumpaan dengan wakil KPDNHEP di Putrajaya, semalam.

wakil syarikat itu sebelum ini, saya hanya dimaklumkan sebagai rujukan abang bukan penjamin," katanya yang hadir ke ibu pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di sini, semalam selepas runtingan

dengan syarikat jualan langsung dari Jepun itu gagal.

Turut hadir, Presiden Persatuan Penyelesaian Pengguna dan Peminjam Malaysia (4PM) Rosland Mohd Ariff.

Seorang lagi mangsa, Mohamad Afif Mohd Nor, 31, pula bukan saja

bakal disenarai hitamkan, malah kereta miliknya dilelong pada harga bawah pasaran selepas tidak membayar dua bulan ansuran berjumlah RM2,600 serta tambahan bunga hampir RM4,000.

"Kereta saya ditarik 16 Ju-lai lalu tanpa surat penarikan kenderaan (RO), malah kad kuasa orang yang menarik kereta saya juga sudah tamat tempoh."

Mohamad Afif diminta menyediakan RM12,000 bagi menebus keretanya

"Saya diminta menyediakan RM12,000 bagi menebus kereta saya, tetapi apabila ingin membayar kepada pihak syarikat itu, mereka memberi pelbagai halah."

"Mereka enggan melayan persoalan dan bayaran saya sebelum memberitahu kereta saya akan dilelong RM77,000 berbanding harga pasaran RM100,000," katanya.

Katanya, dia tidak pernah menyedari pinjamannya di-

uruskan syarikat kredit bukan bank bagi membeli kenderaan itu pada 2017.

"Selama lebih dua tahun saya tidak pernah culas bayar bulanan, cuma sesekali saya terlewati bayar. Janganlah kerana sedikit kelewat-tan itu saya dianiaya begini."

"Saya khawatir, jika kereta saya dilelong dengan harga bawah pasaran sudah tentu saya tidak mampu melunas-kan baki pinjaman bank lebih RM20,000," katanya.

## 4PM terima 60 kes aduan

**Putrajaya:** Persatuan Penyelesaian Pengguna dan Peminjam Malaysia (4PM) menerima 60 kes aduan berkaitan penipuan jualan langsung dan syarikat kredit kenderaan sepanjang tahun ini.

Presiden 4PM Rosland Mohd Ariff berkata, pi-haknya memandang serius perkara berkenaan dan berpandangan tindakan segera perlu diambil pihak berwajib terutama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

"Sepanjang tahun ini, kita menerima lebih 60 kes. Itu yang tahu kewujudan 4PM. Saya percaya ramai lagi mangsa di luar sana boleh tengok di Facebook.

"Penganiayaan terhadap orang ramai ini sangat serius dan tidak boleh dibiarakan. Setiap penganiayaan dilakukan mereka terlalu teruk kejam dan perlu diambil tindakan dan dibanteras segera."

"Saya tidak salahkan syarikat kredit itu, tetapi staf mereka bersifat kurang baik, tiada disiplin dan tidak bermoral melakukan penipuan terhadap pengguna," katanya selepas membawa lima mangsa penipuan jualan langsung dan syarikat kredit kenderaan bertemu dengan wakil KPDNHEP di sini, semalam.